

# RACUMS lancar Kempen Kesedaran Pendermaan Organ

UB 5-11-2014 B2

**KADAR** pesakit memerlukan pendermaan organ di seluruh negara ini semakin meningkat, di mana ketika ini dilaporkan seramai 18,444 pesakit sedang menunggu untuk mendapat transplan atau pemindahan organ termasuk mereka yang menghidapi kegagalan buah pinggang, hati, jantung dan paru-paru.

Pesakit-pesakit terbabit menaruh harapan kepada rakyat Malaysia yang prihatin dan bersedia untuk menyelamatkan nyawa mereka melalui pendermaan organ. Justeru, masyarakat

seharusnya sedar dan menjadikannya sebagai tanggungjawab bersama untuk membantu orang lain.

Untuk meningkatkan kesedaran umum terhadap kepentingan pendermaan dan pemindahan organ, Rotaract Club of Universiti Malaysia Sabah (RACUMS) dengan kerjasama Sabah Transplant Resource Centre akan menganjurkan Kempen Kesedaran Pendermaan Organ yang bertemakan 'Berkongsi Sayang, Meneruskan Kehidupan'.

Menurut kenyataan

dari pihak penganjur, kempen itu bermatlamat meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan pendermaan organ dan berkongsi maklumat berkenaan.

"Kempen juga menggalakkan orang ramai turut serta dan menjadi penderma organ dan tisu selain ingin memberi sokongan dan galakan kepada penerima organ yang sedang menanti pendermaan organ.

"Kempen Kesedaran Pendermaan Organ akan diadakan di 1Borneo Hypermall (berdekatan Dunkin' Donuts, di Tingkat

Bawah) selama dua hari berturut-turut iaitu pada 8 dan 9 November (Sabtu dan Ahad), dari jam 3 petang hingga 7 malam," menurut kenyataan itu di Kota Kinabalu kelmarin.

Masyarakat diminta supaya lebih membuka minda mereka terhadap amalan mulia ini kerana ia memang mampu mengembalikan kesihatan yang baik dan juga harapan kepada insan yang memerlukan.

Untuk maklumat lanjut, awam adalah digalakkan berinteraksi melalui laman facebook <https://www.facebook.com/RotaractClubofUMS>.